

# UMS bantu motivasi pelajar di Tongod

UB 14.7.2018 B1



**NURUL Fatiha (kanan) menerima cenderamata daripada wakil sekolah SK Entilibon.**

JABATAN Hal Ehwal Pelajar (JHEP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) menjayakan Program Kem Lambaian Ilmu Tahun Enam anjuran Sekolah Kebangsaan (SK) Entilibon, Tongod, di sini.

Program yang dihadiri seramai 60 murid Tahun Enam sekolah berkenaan menyaksikan kesemua mereka diberikan suntikan semangat dan motivasi sebagai persediaan menghadapi peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) yang akan datang.

Sesi ceramah

dikendalikan Pegawai Psikologi JHEP Nurul Fatiha Firdaus Roslan.

Dalam ceramahnya, beliau menekankan kepentingan untuk berusaha belajar bersungguh-sungguh serta dapat memperbaiki kelemahan diri terutama bagi setiap mata pelajaran teras.

“Diharapkan program ini dapat membantu para peserta untuk mengenal pasti kelemahan diri masing-masing serta memupuk semangat untuk tampil berani bertanya serta merujuk kepada



**PARA** peserta Program Kem Lambaian Ilmu Tahun Enam merakamkan gambar kenangan bersama penceramah dan ibu bapa serta guru-guru yang hadir.

guru masing-masing untuk mendapat jalan penyelesaian bagi sesuatu permasalahan dalam pelajaran,” katanya.

Beliau turut menyampaikan

penghargaan kepada pihak sekolah SK Entilibon atas kepercayaan untuk beliau mengendalikan ceramah motivasi kepada pelajar yang akan menduduki

UPSR tahun ini.

Program motivasi itu turut dihadiri oleh semua ibu bapa, guru-guru dan Persatuan Iubapa dan Guru (PIBG) SK Entilibon.